

Warga UTP gembira Dr. Mahathir setuju jadi Canselor

Um - 31/3/2004
M/S: 4

IPOH 30 Mac — Universiti Teknologi Petronas (UTP) di Seri Iskandar dekat sini bakal menempa sejarah dengan pelantikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Canselor Ke-2 universiti itu pada majlis konvokesyen khasnya, 1 April ini.

Rektornya, Dr. Rosti Saruwono berkata, warga UTP amat berbesar hati atas persetujuan Dr. Mahathir bagi menggantikan Canselor Pertama UTP iaitu Almarhum Raja Tun Mohar Raja Badiozaman.

"Pelantikan ini sebagai sebagai menghargai pencapaian dan sumbangan beliau dalam memajukan bidang kejuruteraan dan teknologi di negara ini.

"Jadi, UTP amat berbesar hati dan amat mengalu-alukan kebijaksanaan dan bimbingan beliau dalam membangunkan universiti sebagai pusat pengajian dan penyelidikan bertaraf dunia," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Menurut beliau, pada majlis yang sama, Dr. Mahathir akan dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Kejuruteraan dan Teknologi oleh UTP.

Pelantikan dan penganugerahan tersebut bukan sekadar mengiktiraf jasa-jasanya tetapi sekali gus membuka ruang untuk beliau terus menyumbang bakti kepada negara khususnya melalui UTP.

Sementara itu, Kompleks Akademik UTP merupakan kompleks pengajian kejuruteraan dan teknologi yang paling unik serta canggih di dunia dan ia kini hampir siap dengan kesemua struktur utama bangunan menggunakan elemen besi dan cermin.

Kedua-dua elemen tersebut turut digunakan pada bilik pensyarah, makmal, bilik perbincangan, pentadbiran dan kafeteria menjadikannya universiti bertaraf lima bintang yang pertama di negara ini.

Apa yang menarik, pembinaan kompleks itu di kawasan lembah yang dikelilingi oleh lima buah bukit kecil yang menghijau di samping menggunakan teknologi bangunan pintar.

Kedudukan itu menyediakan keadaan yang benar-benar kondusif bukan hanya untuk pengajian bidang berkemahiran tinggi tetapi menenangkan fikiran.



TUN DR. MAHATHIR

Kompleks yang terletak di atas sebahagian daripada tapak baru seluas 450 hektar itu, turut terserlah dengan penggunaan kanopi dan laluan pejalan kaki yang menghubungkan antara blok-blok akademik.

Projek itu yang mula dibina pada tahun 1998 turut memastikan elemen-elemen landskap dan hutan semulajadi berlatar-belakangkan lima buah bukit kecil.

Ia juga dijangka menjadi salah satu daripada pusat pengajian tinggi yang terbesar dan komprehensif di rantau ini bagi pembelajaran kejuruteraan dan teknologi.